



Buletin MOT

Edisi 4 • April 2019



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2018 dan Jasamu Dikenang 2019

Seramai 86 orang pegawai dan kakitangan serta 65 orang pesara dan bakal pesara kementerian dan jabatan serta agensi di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah diraikan dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2018 dan Jasamu Dikenang 2019. Majlis yang telah diadakan pada 19 April 2019 ini disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook bertempat di Dewan Serbaguna MOT.



Sebahagian daripada 86 orang pegawai dan kakitangan serta 65 orang pesara yang telah diraikan dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2018 dan Jasamu Dikenang 2019

Majlis ini diadakan adalah sebagai pengiktirafan bagi menghargai sumbangan warga MOT, jabatan dan agensi di bawah MOT yang telah menunjukkan prestasi cemerlang sepanjang tahun 2018. Selain itu, penghargaan turut diberikan kepada pesara dan bakal pesara bagi bulan Januari hingga Jun tahun ini di atas jasa serta khidmat bakti yang dicurahkan sepanjang mereka berkhidmat.



Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2018 kepada salah seorang penerima anugerah tersebut

Majlis turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Haji Kamarudin Jaffar; Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman; Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Dato' Jana Santhiran Muniayan; Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Tuan Syed Nasir Syed Ahmad bersama-sama wakil ketua-ketua jabatan serta agensi dan warga MOT.

Lawatan Kerja YB Menteri Pengangkutan ke Johor Bahru

Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook telah mengadakan lawatan kerja sehari ke Johor Bahru pada 18 April 2019. Semasa lawatan tersebut, YB Menteri telah melawat Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor Bahru bagi memantau perkembangan dan operasi di lapangan terbang berkenaan – kaunter imigresen, balai pelepasan antarabangsa dan kaunter daftar masuk yang baharu serta Senai Business Aviation Terminal (SBAT) dan juga Sapura Technic Hangar.

Turut mengiringi YB Menteri dalam lawatan tersebut ialah Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Dato' Jana Santhiran Muniayan; Pengarah Pengurusan Kumpulan merangkap Pengerusi MMC Corporation, Dato' Sri Che Khalib Mohd Noh; Ketua Pegawai Eksekutif Senai Airport Terminal Services Sdn Bhd, Encik Md Derick Basir; Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Infrastruktur Dan Pengangkutan Negeri Johor, YB Tuan Haji Mazlan Bujang dan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita Dan Pelancongan Negeri Johor, YB Cik Liow Cai Tung.



Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook meninjau operasi balai pelepasan antarabangsa di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai, Johor Bahru

YB Menteri seterusnya dibawa melawat ke Stesen Keretapi Kempas Baru dan sempat menaiki tren ke Depoh Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). YB Menteri diberi taklimat berkenaan pelan cadangan pembinaan Depoh KTMB oleh Dato' Sri Azmi Abdul Aziz, Pengarah Projek SIPP-YTL dan Encik Azhar Ahmad, Pengurus Besar Perbadanan Aset Keretapi (RAC).

Selain itu, YB Menteri bersama Ahli-Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan yang terlibat telah menghadiri taklimat khas status terkini projek yang telah disampaikan oleh SIPP-YTL.

Turut hadir dalam lawatan ini Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) Kementerian Pengangkutan, Dato' Jana Santhiran Muniayan; Pengarah Eksekutif SIPP-YTL, Dato' Seok Hong Yeoh dan Ketua Pegawai Eksekutif KTMB, Encik Mohd Rani Hisham Samsudin.



Pengurus Besar RAC, Encik Azhar Ahmad menyampaikan taklimat khas kepada Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook berkenaan pelan cadangan pembinaan Depoh KTMB



Sebahagian daripada para deligasi Persidangan Serantau Asia Wanita dalam Maritim (MyWIMA) bergambar bersama Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Haji Kamarudin Jaffar pada hari pembukaan persidangan

Persidangan Serantau Asia Wanita dalam Maritim (WIMA Asia): Memperkasakan Wanita Dalam Maritim “Bridging the Gap”

Kementerian Pengangkutan dengan kerjasama Pertubuhan Wanita Sektor Maritim Malaysia (MyWIMA) telah mengadakan Persidangan Serantau Asia Wanita dalam Maritim (WIMA Asia) dari 9 sehingga 11 April 2019. Bertemakan ‘Memperkasakan Wanita Dalam Maritim “Bridging the Gap”’, persidangan ini telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Haji Kamarudin Jaffar di Hotel InterContinental, Kuala Lumpur.

Persidangan ini merupakan satu platform bagi mengumpulkan wanita-wanita yang telah berjaya dalam sektor maritim untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan dalam meningkatkan lagi peranan wanita dalam sektor yang selama ini dimonopoli oleh kaum lelaki. Selaku negara ahli yang aktif memperkasakan peranan wanita dalam sektor maritim, cadangan oleh International Maritime Organization (IMO) agar Malaysia dipilih sebagai hos bagi Persidangan Serantau ini merupakan satu pengiktirafan kepada Malaysia sebagai antara negara peneraju di rantau Asia yang menekankan kepentingan peranan wanita dalam sektor maritim.

Sambutan Hari JPJ Ke-73

Majlis Sambutan Hari Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang ke-73 tahun telah diadakan pada 15 April 2019 bertempat di tapak parkir Kementerian Pengangkutan Malaysia, dihadiri oleh kira-kira 5,000 orang.

Majlis diadakan sempena sambutan ulang tahun penubuhan JPJ pada tahun 1946. Majlis telah dimulakan dengan nyanyian lagu “Negaraku” dan “JPJ Cemerlang” serta pemeriksaan baris kawalan kehormat penguatkuasa JPJ yang terdiri daripada 2 orang pegawai dan 103 anggota oleh Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook .

Majlis diserikan lagi dengan gimik pelancaran nombor pendaftaran kenderaan “FC” dan kehadiran tiga lkon Budak JPJ bernama Jambul, Putra dan Jinggo. Selain itu, majlis turut dimeriahkan oleh pasukan “Ride 73” yang melibatkan 418 buah motosikal pelbagai model yang telah berarak masuk ke perkarangan parkir bagi acara penyampaian bendera “Ride JPJ”. Majlis diakhiri dengan persembahan lagu-lagu rakyat dari kumpulan pancaragam Mega Symphony JPJ.

Turut hadir bagi majlis ini ialah Timbalan Menteri Pengangkutan, Dato' Haji Kamarudin Jaffar; Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman; Ketua Pengarah JPJ, Dato' Sri Shaharuddin Khalid; Pemangku Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador serta Pengurusan Tertinggi JPJ dan Pengarah JPJ Negeri.



Menteri Pengangkutan, YB Loke Siew Fook menyempurnakan gimik pelancaran Majlis Sambutan Hari Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang ke-73 tahun

Institut Maritim Malaysia (MIMA)

Institut Maritim Malaysia (MIMA) telah ditubuhkan pada tahun 1993 dan adalah sebuah agensi kerajaan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang bertanggungjawab untuk mengkaji hal-hal dan polisi berkaitan kepentingan negara Malaysia terhadap lautan dan juga sebagai pusat kajian sektor berkaitan maritim.



MIMA telah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 sebagai sebuah syarikat di bawah jaminan kerajaan yang tidak mempunyai modal saham serta mempunyai Lembaga Pengarah tersendiri.

Fungsi utama MIMA ialah untuk menangani hal-hal berkaitan maritim di semua peringkat samada nasional, serantau mahupun antarabangsa yang mungkin membawa kesan ke Malaysia.

Selain itu, MIMA ditugaskan untuk melengkap dan menyatukan usaha pelbagai agensi kerajaan di dalam sektor maritim dengan memberi khidmat nasihat dan kepakaran untuk membantu usaha kerajaan mengubal, merancang dan melaksanakan polisi maritim negara.

MIMA memfokuskan lima bidang penyelidikan utama Pusat Penyelidikan Ekonomi dan Industri Maritim, Pusat Penyelidikan Selat Melaka, Pusat Penyelidikan Keselamatan dan Diplomasi Maritim, Pusat Penyelidikan Undang-undang Lautan dan Polisi serta Pusat Penyelidikan Pantai dan Persekitaran Marin.

Institut Maritim Malaysia (MIMA)

B-06-08, Megan Avenue II, 12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia

www.mima.gov.my

Tel. : +603 2161 2960 • Faks : +603 2161 4035

Mesyuarat Kumpulan Kerja Pengangkutan Udara ASEAN Ke-39

Malaysia melalui Kementerian Pengangkutan (MOT) telah menganjurkan Mesyuarat Ke-39 Kumpulan Kerja Pengangkutan Udara ASEAN (39th ASEAN Air Transport Working Group – ATWG) di Hotel Adya, Langkawi pada 22-25 April 2019. ATWG merupakan mesyuarat tahunan yang diadakan sebanyak 2 kali setahun bagi tujuan membincangkan pelbagai isu yang menyentuh mengenai pengangkutan udara dalam kalangan negara-negara ASEAN. Malaysia melalui MOT telah terlibat secara aktif dalam membincangkan kerjasama sektor pengangkutan udara melalui ATWG dan mesyuarat-mesyuarat sub-working group di bawahnya.



Penganjuran Mesyuarat Ke-39 Kumpulan Kerja Pengangkutan Udara ASEAN membuktikan komitmen dan kemampuan negara menganjurkan acara antarabangsa

Dengan penganjuran ATWG Ke-39 ini, ia merupakan satu pengiktirafan kepada Malaysia di atas kemampuan dalam menganjurkan mesyuarat-mesyuarat antarabangsa, selain ia turut memberi imej positif kepada negara berdasarkan komitmen untuk melaksanakan kerjasama sektor pengangkutan udara di bawah kerjasama ASEAN. ATWG bukan sahaja bertindak sebagai platform untuk semua wakil negara-negara ASEAN ini berkumpul dan berbincang berhubung usaha mengukuhkan kerjasama dalam kalangan anggota ASEAN semata-mata, tetapi sebaliknya peluang ini akan digunakan sepenuhnya untuk meneroka kerjasama, potensi kolaborasi, komitmen dan perjanjian dalam sektor-sektor utama pengangkutan dengan rakan dialog di samping menyelesaikan sebarang isu dan permasalahan yang timbul hasil daripada kerjasama yang dijalinan.

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh seramai 150 orang peserta daripada kesemua negara anggota ASEAN yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan kementerian, pihak berkuasa penerbangan awam, pengendali lapangan terbang serta syarikat-syarikat penerbangan komersil.

Antara perkara-perkara yang dibincangkan semasa ATWG adalah menyentuh aspek ekonomi dalam industri penerbangan, teknikal dan keselamatan, liberalisasi sektor perkhidmatan udara, pembangunan kompetensi dan latihan, pematuhan standard dan regulasi, perkongsian maklumat dan kepakaran serta kerjasama ASEAN dengan rakan dialog (ASEAN Dialogue Partners) dalam industri penerbangan awam seperti ASEAN-China, ASEAN-India, ASEAN-Jepun, ASEAN-Republik Korea, ASEAN-Kesatuan Eropah dan ASEAN-Amerika Syarikat.



Antara peserta negara anggota ASEAN yang hadir di Mesyuarat Ke-39 Kumpulan Kerja Pengangkutan Udara ASEAN

Kementerian Pengangkutan Malaysia

No. 26, Jalan Tun Hussein, Presint 4, 62100 Wilayah Persekutuan Putrajaya
Tel. : 03 8000 8000 • Faks : 03 8888 0158 • E-mel : aduan@mot.gov.my



motmalaysia



[ministryoftransportmy](https://www.instagram.com/ministryoftransportmy)